



KENYATAAN MEDIA

UDANG TERNAKAN DI MALAYSIA SELAMAT DIMAKAN

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil perhatian serius dan ingin memberi maklumbalas terhadap kenyataan akhbar **The Star bertajuk “Shrimp Danger” Farmers use illegal antibiotics to treat shrimp**; bertarikh 04 Januari 2020 yang akan menimbulkan taksiran yang negatif terhadap industri ternakan udang di Malaysia.
2. Setiap tahun, industri ternakan udang menghasilkan hampir **50,000 tan metrik** yang menyumbang sebanyak 13% kepada kuantiti pengeluaran akuakultur Malaysia. Industri ini melibatkan kira-kira 1,200 orang penternak udang, 40 buah hatcheri pembenihan udang dan 15 buah kilang pemprosesan yang menyumbang kira-kira RM1.3 bilion atau 45% daripada jumlah eksport perikanan.
3. DOF di bawah Program *Agriculture Residue Monitoring* (ARMP) dan Program *Sanitary and Phytosanitary Aquaculture* (SPS Akuakultur) telah menjalankan program pemantauan antibiotik di peringkat ladang bermula tahun 2008 sehingga sekarang. Yang mana ladang ternakan yang didapati positif penggunaan antibiotik terlarang akan dikenakan tindakan.
4. Persampelan dijalankan ke atas sampel-sampel udang dan ikan untuk memantau kandungan antibiotik iaitu chloramphenicol (CAP), Nitrofurantoin (NF) dan Nitroimidazole (NI). Sebanyak 2,466 sampel yang telah diambil bagi tempoh 2008 hingga sekarang dan dianalisa di makmal Biosekuriti Perikanan yang telah mendapat pensijilan ISO dan **didapati tiada bahan antibiotik terlarang yang dikesan dan kesemua sampel udang kolam ternakan tempatan adalah tidak dikesan / negatif kehadiran antibiotik.**
5. Program ARMP tertumpu kepada ladang-ladang yang berdaftar dengan DOF, ladang-ladang ternakan yang mengeksport ke negara EU dan wajib mempunyai sijil *Fish Quality Certificate* (FQC). Program ini dijalankan juga terhadap ladang-ladang ternakan yang berskala komersial yang mempunyai pasaran eksport ke luar negara dan mempunyai sijil *Malaysia Good Agricultural Practices* (MyGAP).

6. Begitu juga dengan Program *Sanitary and Phytosanitary* Akuakultur (SPS Akuakultur) yang turut dijalankan ke atas ladang-ladang yang berdaftar dengan DOF, ladang-ladang yang mempunyai sijil *Malaysia Good Agricultural Practices* (MyGAP), ladang-ladang yang mempunyai pasaran ke negara US serta negara-negara lain dan juga pasaran domestik.
7. Negara luar seperti Australia telah mengiktiraf peranan DOF untuk mengeluarkan Sijil Kesihatan Ikan termasuk hasil ikan yang hendak dieksport ke Australia.
8. Pihak *Singapore Food Agency* (SFA) melalui kenyataan melalui media Malay Mail telah memaklumkan udang yang diimport dari Malaysia tidak pernah dikesan mengandungi chloramphenicol (CAP), Nitrofurantoin (NF). Setiap tahun, sebanyak 9,100 tan metrik udang diimport dari Malaysia samada dalam bentuk hidup, sejuk segar dan sejuk beku. Pihak SFA menjalankan pengambilan sampel rutin bagi memastikan konsainan dipantau dan mematuhi syarat import Singapura.
9. Bermula 2019, MOA melalui DOF sebagai kawalan untuk mengelakkan isu penggunaan antibiotik telah mengambil alih kuasa pengeluaran **Sijil Tempasal (*Certificate of Origin*)** terhadap hasil ladang akuakultur tempatan sahaja tidak termasuk sumber yang diimport. Setiap ladang yang membekalkan ikan dan hasil ikan kepada pengeksport, didaftarkan dan diletakkan di bawah pemantauan jabatan sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
10. Mengulas mengenai sekatan eksport udang yang dikenakan oleh pihak USFDA, ianya adalah **TIDAK melibatkan keseluruhan eksport produk akuakultur negara** dan hanya dikenakan kepada syarikat yang didapati positif kesan antibiotik sahaja dan difahamkan syarikat tersebut telah pun menutup operasi mereka. Pihak DOF juga mengesyaki terdapat **elemen *transshipment*** yang mengimport udang luar negara di luar pemantauan rasmi DOF dan mengeksport semula ke Amerika Syarikat.
11. **DOF sentiasa memastikan SOP Pemantauan dilaksanakan sebaik mungkin secara berterusan** terhadap ladang ternakan yang berdaftar bagi mengenalpasti ladang-ladang yang tidak bertanggungjawab menggunakan antibiotik. COO hanya dikeluarkan setelah DOF pasti tentang sumber udang dari ladang yang mana (untuk mengelakkan isu *transshipment* dari berlaku). Sekiranya pihak yang tidak bertanggungjawab adalah dari kilang pemprosesan yang tiada ladang ternakan udang, perkara ini akan diambil tindakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH).

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

04 Januari 2020 : 2:30 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)
012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my